

PENANGKAPAN ANGGOTA NSF DI BAWAH ISA

Latih SAF kesan tanda awal fahaman ekstremis di kalangan anggota NS

PARA komander Angkatan Bersenjata Singapura (SAF) perlu dilatih mengesan tanda-tanda awal fahaman agama ekstremis di kalangan anggota perkhidmatan negara (NSF) dan kakitangan sepenuh masanya.

Hal itu dikongsi Ketua Pusat Kecemerlangan Keselamatan Negara (Cens), Profesor Madya Kumar Ramakrishna, menyusuli penahanan seorang NSF, Muhammad Fadil Abdul Hamid, 20 tahun, di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri yang diumumkan kelmarin.

Menurut beliau, cabaran yang dihadapi SAF bukan sesuatu yang unik kerana beliau berpendapat agensi-agensi pemerintah, perniagaan swasta, pertubuhan akar umbi dan institusi keagamaan juga perlu selalu waspada.

“Satu sumber baik ialah Kumpulan Pemulihan Keagamaan (RRG) yang telah bertahun membantu memberi kaunseling kepada tahanan Jemaah Islamiyah (JI) dan keluarga mereka. Para kaunselor RRG telah dilatih dan mereka mempunyai sebuah laman web yang berguna.

“RRG boleh memberikan nasihat kepada pihak ketenteraan tentang bagaimana mengenal pasti tanda-tanda awal idea ekstremis,” katanya.

Langkah sedemikian, menurut beliau, mampu melengkapi sistem dalam SAF sendiri dalam mengesan idea pelampau di kalangan kakitangannya yang banyak memainkan peranan.

Ketua Pusat Antarabangsa bagi Keganasan Politik dan Penyelidikan Pengganasan (ICPVIR), Profesor Rohan Gunaratna, pula mendedahkan bahawa pengganas kelahiran Amerika Syarikat, Anwar al-Awlaki, adalah seorang yang berupaya mendekati sesiapa sahaja yang lemah.

Muhammad Fadil dan dua lagi yang dikenakan Perintah Sekatan (RO), Muhammad Anwar Jailani, 44 tahun, dan Muhammad Thahir Shaik Dawood, 27 tahun, didapati terpengaruh dengan idea-idea radikal Anwar al-Awlaki yang mengajak kepada peperangan jihad menerusi laman-laman web radikal dan salinan rakaman audio ceramahnya.

“Oleh itu penting bagi institusi dan



ANWAR AL-AWLAKI: Pengganas kelahiran Amerika Syarikat ini berupaya mendekati sesiapa sahaja yang lemah. – Foto AP

pemimpin Islam mempertingkatkan usaha mengekang ajaran pelampau dan mendedahkan kepada masyarakat Islam setempat tentang kehadiran Anwar al-Awlaki,” kata Profesor Gunaratna.

Antaranya, beliau menggesa pemimpin Islam agar memanfaatkan teknologi maklumat (IT) dan Internet dan bersaing dengan golongan pengganas yang banyak menggunakan Internet untuk menyebarkan fahaman pelampau mereka.

Menurut Pengarah Bersama RRG, Ustaz Ali Haji Mohamed, dianggarkan terdapat lebih 100,000 laman web radikal, manakala laman web yang mengutuk pengganasan kurang 1,000.

“RRG di Singapura telah menerajui usaha ini dengan mengadakan laman webnya sendiri untuk mendekati lebih ramai orang. Model RRG ini baik. Laman blog Ustaz Muhammad Haniff Hassan juga baik.

“Saya sarankan setiap pemimpin Islam agar mengadakan blog atau laman web mereka sendiri kerana jika tidak, laman-laman web radikal ini akan membawa kesan kepada masyarakat Islam di sini,” kata Profesor Gunaratna.